

HFMD: KKM tidak galak guna kaedah rawatan alternatif

Mei 22, 2022 @ 6:23pm



Dr Noor Azmi (berdiri, kiri) bersama isteri menyantuni tetamu pada majlis jamuan Aidilfitri di kediaman mereka, hari ini. - FOTO BERNAMA

TAIPING: Kementerian Kesihatan (KKM) tidak menggalakkan kaedah rawatan alternatif seperti menggunakan serbuk kunyit ataupun daun semambu, bagi merawat penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata sebaliknya orang ramai diminta berjumpa doktor jika mengalami gejala jangkitan.

"KKM memang tidak menggalakkan rawatan alternatif kerana ia tidak ditentukan kesahihannya lagi dari sudut sains. Malah, tiada rawatan khusus dari sudut sains bagi penyakit itu."

"Kita juga bimbang akan gejala dehidrasi. Justeru, kanak-kanak yang dijangkiti HFMD perlu dipastikan minum air secukupnya. Jika langsung tidak boleh minum air, memang perlu diberi secara intravenous (suntikan ke dalam salur darah) dan dibawa ke hospital," katanya kepada pemberita pada majlis jamuan Aidilfitri di kediaman beliau, di sini, hari ini.

Pada 17 Mei lalu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dilaporkan berkata jumlah kes HFMD di negara ini meningkat pada kadar membimbangkan, iaitu sebanyak 15 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu, dengan 31,661 kes dilaporkan.

Dr Noor Hisham berkata, 7,526 kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi (ME) 19/2022 berakhir 14 Mei lalu yang menunjukkan peningkatan sebanyak 349 peratus, berbanding ME sebelumnya dengan hanya 1,676 kes di seluruh negara. – BERNAMA